



TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA ENCIK HASSAN BIN ABDUL
MUTHALIB SEPANJANG PENGLIBATAN DAN PENGALAMAN BELIAU
KETIKA MEMBANGUNKAN FILEM ANIMASI MALAYSIA.

OLEH:

NUR KHATIJAH BINTI AB KAHAR

(2012612868)

AHMAD AMIR BIN ASNAWI SABRI

(2012410852)

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SEGAMAT BAGI MEMENUHI
KEPERLUAN IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

SEMESTER 05 (SEPTEMBER 2013-JANUARI 2014)

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGHARGAAN	i
	ABSTRAK	ii
1.0	Pengenalan	1
	1.1 Definasi Animasi	1
	1.2 Sejarah Animasi	2
	1.2.1 Sejarah Animasi Malaysia	2-3
	1.2.2 Penemuan Di Seluruh Dunia	3
	1.2.2.1 Persistence of Vision	3-4
	1.2.2.2 Thaumatrope	4
	1.2.2.3 Phenakistoscope	5
	1.2.2.4 Praxinoscope	5
	1.2.2.5 Kineograph	6
	1.2.2.6 Zoetrope	6
	1.2.2.7 Zoopraxiscope	7
	1.2.3 Teknik Animasi	7
	1.2.3.1 Animasi Tradisional	7
	1.2.3.2 Animasi Digital	8
	1.2.4 Animasi Tradisional	8
	1.2.4.1 Cell or Drawn Animation	8
	1.2.4.2 Cut-out Animation	8
	1.2.4.3 Model or Stop Animation	9
	1.2.5 Animasi Digital	9
	1.2.5.1 Animasi 2 Dimensi	9
	1.2.5.1.1 Animasi Laluan	9
	1.2.5.1.2 Animasi Sel	9-10
	1.2.5.1.3 Animasi Skrin	10
	1.2.5.1.4 Animasi Font dan Ikon	10
	1.2.5.1.5 Animasi Perubahan	10
	Spesifikasi Objek	
	1.2.6 Animasi 3 Dimensi	10-11

PENGHARGAAN

Assalamualaikum...

Alhamdulillah segala pujian dan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya kami dapat menyiapkan tugas Dokumentasi Lisan (Oral Documentation) IMR 604 pada masa yang telah ditetapkan oleh pensyarah kami. Oleh yang demikian, walaupun banyak dugaan serta rintangan yang terpaksa kami hadapi, kami telah berjaya menghasilkan transkrip yang amat bermakna pada kami ini.

Seterusnya, setinggi tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kami ucapkan kepada Encik Hassan bin Abdul Muthalib kerana sudi memberi kerjasama dengan sepenuhnya dan kesudian beliau untuk di temu ramah oleh kami mengenai pengalaman dan pandangan beliau dalam bidang animasi di Malaysia.

Jutaan terima kasih juga ditujukan buat pensyarah kami yang banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan serta dorongan iaitu Puan Azura binti Abdul Jamil @ Kamrudzzaman kerana bersabar mendengar rugutan kami dan telah banyak memberi buah idea sepanjang kami menyiapkan tugas yang telah di berikan ini.

Tidak lupa juga buat keluarga kami yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan agar tidak berputus asa dan ntuk terus menimba ilmu di UiTM [Universiti Teknologi Mara] ini. Jutaan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung ataupun tidak secara langsung di dalam penghasilan transkrip yang amat bermakna buat kami ini

Sekian, terima kasih.

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA ENCIK HASSAN BIN ABDUL
MUTHALIB SEPANJANG PENGLIBATAN DAN PENGALAMAN BELIAU
KETIKA MEMBANGUNKAN FILEM ANIMASI MALAYSIA.

Abstrak: Transkrip ini merupakan transkrip wawancara bersama Encik Hassan Bin Abdul Muthalib sebagai penulis dan pengarah dalam pembikinan animasi pertama di Malaysia. Wawancara ini di jalankan di Akademi Seni dan Warisan Negara (ASWARA), Kuala Lumpur pada 29 November 2013. Temubual ini dijalankan adalah bertujuan untuk tujuan pembelajaran bagi kursus IMR 604, Dokumentasi Sejarah Lisan. Dokumentasi ini mengandungi sedikit pengenalan mengenai latar belakang Encik Hassan Abdul Muthalib. Selain daripada itu, transkrip ini juga mempunyai beberapa informasi seperti penerangan mengenai animasi ,teknik, kemahiran dan pendapat serta pengalaman beliau ketika terlibat dalam bidang animasi dan juga penglibatan beliau dalam menghasilkan pembikinan filem animasi pertama, Sang Kancil dan Monyet pada tahun 1984

Kata Kunci : Animasi, Hassan Abdul Muthalib, Malaysia, Sang Kancil, Pengalaman

1.0 PENGENALAN

1.1 Definisi Animasi

Terdapat beberapa definisi yang menerangkan tentang maksud animasi yang sebenar. Animasi berasal daripada perkataan “anima” dari bahasa Yunani yang berertinya jiwa dan hidup. Animasi juga bermaksud memberikan hidup terhadap objek dengan cara menggerakkan objek gambar. Animasi merupakan sejenis ilusi optik pergerakan disebabkan kejadian penerusan penglihatan dan boleh dihasilkan serta didemonstrasi dalam pelbagai cara. Kaedah persembahan animasi yang paling laris ialah sebagai program wayang gambar atau video namun terdapat cara-cara lain untuk mempersembahkan karya animasi.

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, animasi merujuk kepada satu perbuatan atau proses menjadikan sesuatu agar kelihatan hidup animasi bermakna satu proses menghidupkan atau memberikan gambaran bergerak kepada sesuatu yang statik agar kelihatan hidup dan dinamik.

Pengertian dari The American Heritage Dictionary of the English Language edisi ke tiga (2011) menyatakan bahawa animasi bermaksud tindakan, proses, atau hasil seakan hidup, tarikan, semangat, pergerakan, atau aktiviti serta kualiti atau keadaan berbentuk hidup, aktif, bersemangat, atau kuat.

Pengertian dari Collins English Dictionary (2009), animasi bermaksud keaktifan, kelincahan dan keadaan masih hidup.

Pengertian dari PCMAG.COM, animasi membawa maksud pergerakan diagram atau kartun dibuat mengikut turutan paparan imej satu demi satu. Animasi adalah bertujuan untuk menghasilkan hiburan dan iklan bergerak mengikut turutan.